

**SOLAT SUBUH BERJEMAAH DALAM KALANGAN MAHASISWA TAHFIZ
AL-QURAN DAN AL-QIRAAT KOLEJ UNIVERSITI ISLAM
ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS) :
SATU PEMERHATIAN**

1058

Muhammad Syafee Salihin, Ahmad Shahir Masdan, Muhammad Fairuz A.Adi &
Mawaddah Ahmad Mahir
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
mrsyafee@kuis.edu.my

ABSTRAK

Solat berjemaah di masjid merupakan suatu tuntutan yang mesti dilaksanakan kepada golongan lelaki yang tidak mempunyai keuzuran. Mesyuarat Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat telah menetapkan bahawa setiap pelajar lelaki wajib untuk hadir solat jahriah secara berjemaah di Masjid. Jesteru, tujuan kajian ini dilakukan untuk mengetahui prestasi kehadiran solat subuh berjemaah dalam kalangan mahasiswa tahfiz al-Quran dan al-Qiraat Kuis. Reka bentuk kajian ini ialah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah observasi kepada semua pelajar lelaki program diploma dan ijazah sarjana muda tahfiz al-Quran dan al-Qiraat Kuis. Hasil kajian menunjukkan prestasi kehadiran pelajar ijazah dan diploma tahfiz lelaki adalah kurang memuaskan. Faktor utama yang menjadi punca pelajar tidak hadir ke masjid untuk menunaikan solat subuh berjemaah adalah kerana sikap malas dan sering bangun lewat di awal pagi serta kurangnya teguran dan ajakan daripada pelajar-pelajar lain untuk bersama solat subuh berjemaah di masjid. Implikasi kajian ini penting untuk mewujudkan kesedaran pentingnya solat berjemaah di masjid dalam kalangan mahasiswa agar ibadah yang dilakukan lebih sempurna.

Kata Kunci : *Solat Subuh berjemaah, Mahasiswa Tahfiz.*

1. PENDAHULUAN

Solat adalah salah satu daripada rukun Islam yang kelima yang diwajibkan ke atas setiap muslim dan muslimat yang mukallaf (baligh dan berakal). Firman Allah S.W.T :

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا

Maksudnya : “ ...*Sesungguhnya solat itu adalah fardhu yang ditentukan waktunya atas orang-orang yang beriman* ”.¹

Siti Zaleha Ibrahim (2016) menjelaskan solat juga adalah tiang agama dan sebesar-besar ibadah yang mampu mendekatkan hamba kepada tuhan-Nya. Solat daripada segi bahasa bermaksud doa atau doa dengan sesuatu kebaikan. Manakala daripada segi syarak, solat bermaksud perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan takbir beserta niat dan berakhir dengan salam dan syarat-syarat tertentu. Manakala solat berjemaah pula ialah solat yang dilakukan lebih daripada seorang atau secara beramai-ramai dengan diketuai seorang imam. Solat berjemaah terdiri daripada seorang imam dan sekurang-kurangnya seorang makmum. Solat berjemaah sangat dituntut dalam Islam.

¹ Surah An-Nisa 4 : 103

2. PENSYARIATAN SOLAT BERJEMAAH

Menurut Mohammad Subki Abdul Rahman (2006), solat berjemaah telah disyariatkan atau diperintahkan agar dilaksanakan selepas Rasulullah S.A.W berhijrah ke kota Madinah. Ia tidak disyariatkan di kota Mekah kerana semasa di Mekah umat Islam masih dikuasai oleh kaum kafir Qurasiy. Rasulullah S.A.W telah menetap di Mekah selama 13 tahun dan sepanjang tempoh tersebut baginda tidak menunaikan solat fardhu secara berjemaah kerana sahabat-sahabat baginda masih dikuasai oleh kaum kafir Qurasiy. Justeru, mereka hanya menunaikan solat fardhu di rumah masing-masing.

Siti Zaleha Ibrahim (2016) telah menjelaskan, setelah sahabat berhijrah ke Madinah, mereka telah mendirikan solat secara berjemaah dan berterusan memeliharanya. Dengan kesungguhan Rasulullah S.A.W dan para sahabat dalam memelihara solat berjemaah, maka ulama bersepakat bahawa solat berjemaah adalah salah satu ibadah yang disyariatkan.

2.1 Kelebihan Solat Berjemaah

Allah S.W.T menganugerahkan kepada umat Islam ganjaran yang berlipat kali ganda untuk mereka yang menunaikan solat berjemaah. Terdapat banyak riwayat hadis daripada Rasulullah S.A.W yang telah menceritakan tentang kelebihan solat fardhu berjemaah. Di antaranya ialah kelebihan solat berjemaah berbanding solat bersendirian. Rasulullah S.A.W telah bersabda :

وعن سعيد الخدري رضي الله عنه : " أنه سمع النبي صلى الله عليه وسلم يقول : صلاة الجماعة تفضل صلاة الفذ بخمس وعشرين دراجة "

Maksudnya :

*Daripada Abu Sa'id al-Khudri R.A berkata : " Suatu hari aku telah mendengar Rasulullah S.A.W bersabda : Solat berjemaah lebih afdhal daripada solat bersendirian sebanyak 25 kali ganda "*²

Terdapat hadis lain menjelaskan bahawa solat berjemaah 27 kali ganda lebih baik daripada solat bersendirian seperti diriwayat oleh Bukhari di dalam hadis sahih :

وعن عبد الله بن عمر رضي الله عنه : " أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال : صلاة الجماعة تفضل صلاة الفذ بسبع وعشرين دراجة "

Maksudnya :

*Daripada Abdullah bin Umar R.A berkata : " Rasulullah s.a.w. bersabda : Solat berjemaah itu lebih afdhal daripada solat bersendirian dengan 27 kali ganda "*³

Perbezaan fadhilat adalah bergantung kepada keadaan orang yang solat dan jenis solat itu sendiri. Mereka yang khusyuk di dalam solatnya dan sempurna bacaannya pasti akan peroleh fadhilat lebih banyak berbanding mereka yang menunaikan solat secara lalai.

Antara janji Allah S.W.T yang lain tentang kelebihan solat berjemaah ini ialah meletakkan hamba-Nya di bawah bayang Allah S.W.T di Padang Mahsyar kelak, di mana pada hari itu tiada naungan melainkan naungan-Nya sahaja. Janji Allah S.W.T itu telah disebutkan oleh

² Sahih Bukhari. Hadis nombor 636, Jilid 2/131

³ Sahih Bukhari. Hadis nombor 645, Jilid 2/131

Rasulullah S.A.W di dalam hadis yang telah diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim (1400 H) :

وعن ابي هريرة رضي الله تعالى عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : " سبعة يظلهم الله في ظله يوم لا ظل الا ظله : الإمام العادل, وشاب نشأ في عبادة ربه, ورجل قلبه معلق بالمساجد, ورجلان تحابا في الله اجتمعا عليه وتفرقا عليه ورجل طلبته امرأة ذات منصب وجمال فقال : إني أخاف الله, ورجل تصدق أخفى حتى لا تعلم شماله ما تنفق يمينه, ورجل ذكر الله خاليا ففاضت عيناه ".⁴

Maksudnya :

Daripada Abu Hurairah R.A, daripada Nabi Muhammad S.A.W, katanya : “ Ada tujuh golongan manusia yang akan ditempatkan oleh Allah S.W.T di bawah bayangNya pada hari yang tidak ada bayang melainkan bayang Allah S.W.T iaitu imam yang adil, pemuda yang hidup dalam keadaan menjaga ibadahnya kepada Tuhannya, lelaki yang hatinya sentiasa bertaut kepada masjid-masjid (hatinya berterusan mengingati masjid walaupun jasadnya berada di luar masjid atau dia sangat merindunya)⁴, dua orang lelaki yang saling berkasih sayang kerana Allah S.W.T iaitu mereka bertemu dan berpisah keranaNya, lelaki yang digoda untuk berzina oleh mana-mana perempuan yang memiliki kedudukan yang tinggi dalam kalangan masyarakat dan kecantikan yang unik, lalu ia menjawab “ sesungguhnya aku takut pada Allah S.W.T ”, lelaki yang suka bersedekah secara sembunyi-sembunyi sehinggakan tangan kirinya tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh tangan kanannya dan lelaki yang sentiasa mengingati Allah S.W.T ketika bersendirian, lalu air matanya mengalir kerana takut pada Allah S.W.T “. ⁵

Nawawi (1401 H) berpendapat dalam mentafsirkan hadis Rasulullah S.A.W tersebut dengan erti bersangatanlah mengingati masjid dan sentiasa beristiqamah menuju ke masjid untuk solat berjemaah.

Rasulullah S.A.W telah menyatakan bahawa solat berjemaah yang didirikan melalui perantaraan wuduk yang sempurna sebagai asbab yang kukuh bagi Allah S.W.T memberi keampunan kepada hamba-Nya. Ini juga sebagai salah satu kurniaan Allah S.W.T yang membuktikan besarnya fadhilat solat berjemaah itu. Sesuai dengan hadis Rasulullah S.A.W yang telah diriwayatkan oleh Imam Bukhari :

وعن عثمان ابن عفان رضي الله عنه قال : سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول : " من توطأ للصلاة فأسبغ الوضوء، ثم مشى الى الصلاة المكتوبة فصلاها مع الناس أو مع الجماعة، أو في المسجد غفر الله له ذنوبه ".⁵

⁴ Fathu al-Baari, Jilid 2/145

⁵ Sahih Bukhari, Hadis nombor 660, Jilid 2/143 dan Sahih Muslim, Hadis nombor 1031, Jilid 2/715

Maksudnya :

*Daripada Uthman bin 'Affan R.A katanya : “ suatu hari aku mendengar Rasulullah S.A.W bersabda : “ Sesiapa yang berwuduk untuk menunaikan solat, lalu dia sempurnakannya, kemudian dia terus berjalan untuk mendirikan solat fardhu, lalu dia pun menunaikannya bersama orang lain atau secara berjemaah atau di masjid, nescaya Allah S.A.W akan mengampunkan segala dosa-dosanya “.*⁶

2.2. PANDANGAN ULAMA TERHADAP SOLAT BERJEMAAH

Ini adalah perbincangan ulama mengenai hukum solat berjemaah. Perbincangan ini adalah bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada umat Islam agar mengambil berat tentangnya dan bukanlah mengangap ia perkara yang remeh dan sia-sia.

a. Mazhab Syafi'e

Mohammad Subki Abdul Rahman (2006) menyatakan pandangan ulama mazhab Syafi'e tidak pernah memberikan rukhsah (keringanan) iaitu keharusan kepada mukallaf untuk meninggalkan solat berjemaah melainkan jika berada dalam keadaan uzur syar'ie. Beliau juga menyuruh kanak-kanak yang mumayyiz datang ke masjid bagi menunaikan solat fardhu secara berjemaah sebagai satu latihan atau tarbiyah kepada mereka untuk membudayakannya di dalam kehidupan mereka.

Mohammad Subki Abdul Rahman (2006) juga membincangkan sebahagian ulama hadis seperti Imam Ibnu Khuzaimah, Imam Ibnu al-Munzir dan Imam Ibnu Hibban berpendapat bahawa hukumnya ialah fardhu 'ain. Sebahagian ulama juga berpendapat ianya juga merupakan pandangan Imam Syafi'e. Berdasarkan Imam al-Nawawi (1401 H), hukum solat berjemaah ini merupakan fardhu kifayah dan pendapat ini ialah pendapat yang paling sohih dan muktamad di dalam mazhab Syafi'e.

Al-Nawawi (1401 H) menyatakan terdapat sebahagian mukallaf menunaikan solat fardhu berjemaah di tempat-tempat yang dikhususkan seperti masjid dan surau, namun, bagi mereka yang meninggalkannya adalah hukum makruh. Sebahagian pendapat menyatakan hukum bagi hal ini ialah sunat mu'akkad.

b. Mazhab Hanbali

Imam Ahmad telah meletakkan hukuman bahawa seseorang mukallaf yang sering meninggalkan solat jema'ah ialah seorang lelaki yang buruk akhlaknya. Mengikut pendapat beliau, solat fardhu merupakan fardhu 'ain bagi setiap mukallaf. Demikian itu, jika meninggalkannya dengan sengaja, ianya berdosa.

Dalam riwayat yang lain, Imam Ahmad bin Hanbal menyatakan solat berjemaah ini merupakan salah satu daripada syarat sah solat. Ianya mengandungi maksud bahawa tidak sah solat fardhu lima waktu melainkan setelah ianya dirikan secara berjemaah. Pandangan ini juga dipilih oleh sebahagian ulama Hanbali.

Majoriti ulama Hanbali berpendapat wajib menunaikan solat fardhu lima waktu secara berjemaah walaupun ketika dalam keadaan musafir. Beliau juga berpendapat tidak harus bagi seorang mukallaf meninggalkan solat jema'ah melainkan dalam keadaan uzur syar'ie. Imam Ahmad turut memerintahkan bagi setiap mukallaf yang tinggal berdekatan dengan masjid, melaksanakan solat fardhu berjemaah di masjid.

⁶ Sahih Muslim. Hadis nombor 232, Jilid 1/208

Tambahan bagi beliau, mereka yang meninggalkan solat fardhu secara berjemaah haruslah dipulau oleh masyarakat. Bahkan, bagi pihak pemerintah haruslah mengenakan hukuman tertentu ke atasnya. Malah, mereka ini hendaklah ditolak penyaksiannya. Adapula pandangan yang lain, menyatakan pemerintah Islam hendaklah menjatuhkan hukuman bunuh sampai mati ke atas setiap mukallaf yang meninggalkan solat jema'ah dengan sengaja.

c. Mazhab Maliki

Mohammad Subki Abdul Rahman (2006) menjelaskan sebahagian ulama mazhab Maliki berpendapat solat fardhu berjemaah adalah sunat sahaja. Ada pula sebahagian yang lain memberi pandangan hukumnya adalah sunat mu'akkad. Imam Ibnu Taimiyyah telah berkata bahawa pendapat di atas merupakan pendapat daripada ulama mazhab Hanafi, kebanyakan daripada ulama mazhab Maliki, sebahagian daripada ulama Syafi'e dan merupakan salah satu riwayat Imam Ahmad bin Hanbal.

d. Mazhab Hanafi

Mohammad Subki Abdul Rahman (2006) menyatakan pendapat umum bagi mazhab Hanafi ialah wajib menunaikan solat fardhu berjemaah. Adapun begitu, terdapat juga pandangan beberapa ulama Hanafi berpendapat ia sunat mu'akkad. Perbezaan di antara dua pendapat yang menyatakan hukumnya adalah wajib dan sunat mu'akkad hanyalah daripada sudut lafaz semata kerana mereka memberi penafsiran terhadap hukum sunat mu'akkad itu seperti penafsiran solat wajib sepertimana yang disebut oleh mereka “ solat berjemaah adalah sunat, tetapi tidak dibenarkan meninggalkannya melainkan berada dalam keadaan uzur syari'e. Tafsiran ini pada hakikat dan umumnya adalah penafsiran yang beri makna wajib.

Selain itu, menurut Mohammad Subki Abdul Rahman (2006), ulama turut memberi pandangan solat berjemaah ini adalah salah satu daripada syiar-syiar Islam dan barang siapa yang meninggalkannya dengan sengaja, wajib ke atasnya dikenakan hukuman ta'zir.

Berdasarkan pendapat ulama, maka dapat dirumuskan bahawa hukum solat berjemaah di masjid sebahagiannya menyatakan wajib dan sebahagiannya menyatakn sunat. Pandangan ulama fiqh yang menyatakan wajib kerana dianggap ia adalah fardhu ain dan berdosa jika meninggalkannya manakala ulama fiqh yang menyatakan sunat dianggap ia adalah fardhu kifayah dan tidak berdosa jika meninggalkannya.

3. PERMASALAHAN KAJIAN

Solat berjemaah di masjid merupakan suatu tuntutan yang mesti dilaksanakan kepada golongan lelaki yang tidak mempunyai keuzuran terutama bagi seorang penghafaz al-Quran. Mesyuarat Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat (JTQQ) (2017) telah bersetuju untuk menetapkan bahawa setiap pelajar lelaki wajib untuk hadir solat jahriah secara berjemaah di Masjid. Ini bertujuan sebagai galakan kepada mereka supaya mengimarahkan masjid dengan menghadiri setiap waktu solat selain menghadiri program-program lain yang dianjurkan. Berdasarkan keputusan mesyuarat (JTQQ) ini, satu kajian dilakukan untuk mengetahui prestasi kehadiran solat subuh berjemaah dalam kalangan mahasiswa tahfiz al-Quran dan al-Qiraat Kuis. Diharap kajian ini dapat memberi sumbangan ilmu kepada masyarakat berkaitan pentingnya solat berjemaah di masjid.

4. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat pelaksanaan solat berjemaah dalam kalangan pelajar tahfiz lelaki di Kolej Universiti Islam Antarabangsa. Secara khusus, objektif kajian adalah:


1. Menjelaskan kelebihan solat berjemaah di masjid.
2. Menjelaskan statistik kehadiran pelajar tahfiz lelaki solat berjemaah subuh di Masjid al-Azhar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

5. SKOP KAJIAN

Skop kajian ini adalah terhadap pelajar tahfiz KUIS lelaki diploma semester satu hingga enam dan pelajar tahfiz lelaki ijazah semester satu hingga lapan sahaja yang melibatkan kehadiran solat subuh sahaja.

6. HASIL KEPUTUSAN

Graf 1 Peratus Kehadiran Pelajar Ijazah al-Quran dan al-Qiraat



Sumber : borang observasi 2017

Berdasarkan graf 1 di atas, jumlah pelajar semester satu ijazah JTQQ hanya 49 orang sahaja yang datang solat subuh berjemaah. Daripada jumlah tersebut, majoriti pelajar iaitu seramai 29 orang mencapai tahap peratusan terendah iaitu 0-25%. Seterusnya seramai 11 orang mencapai tahap peratusan 26-50%, seramai 7 orang mencapai tahap 76-100% dan seramai 2 orang mencapai tahap peratusan 51-75%. Ini menunjukkan majoriti pelajar semester satu tidak mampu untuk hadir solat berjemaah di masjid.

Kemudian, jumlah pelajar semester dua ijazah JTQQ hanya 22 orang sahaja yang datang solat subuh berjemaah. Daripada jumlah tersebut, hanya seorang pelajar mencapai tahap peratusan tertinggi iaitu 76%-100% dan mencapai tahap peratusan 51%-75%. Seterusnya seramai 10 orang mencapai tahap peratusan bagi 26-50% dan 0%-25%. Ini menunjukkan majoriti pelajar semester dua tidak mampu untuk hadir solat berjemaah di masjid.

Seterusnya pelajar semester tiga ijazah JTQQ hanya 34 orang sahaja yang datang solat subuh berjemaah. Daripada jumlah tersebut, seramai 7 orang mencapai tahap peratusan 76%-100%. Seterusnya 3 orang mencapai tahap peratusan 51%-75%, seramai 4 orang mencapai tahap peratusan 26%-50% dan seramai 16 orang mencapai tahap peratusan 0%-25%. Ini

menunjukkan majoriti pelajar semester tiga juga tidak mampu untuk hadir solat berjemaah di masjid.

Pelajar semester empat ijazah JTQQ hanya 24 orang sahaja yang datang solat subuh berjemaah. Daripada jumlah tersebut, terdapat 2 orang mencapai tahap peratusan yang tinggi sebanyak 76%-100%. Tiada seorang pelajar yang mencapai tahap peratusan 51%-75%, seramai 7 orang pelajar yang mencapai tahap peratusan 26%-50% dan seramai 11 orang yang mencapai tahap peratusan 0%-25%. Ini menunjukkan majoriti pelajar semester empat juga tidak mampu untuk hadir solat berjemaah di masjid.


Berdasarkan graf 1 di atas juga, jumlah pelajar semester lima ijazah JTQQ hanya 14 orang yang datang solat subuh berjemaah. Daripada jumlah tersebut, hanya seorang yang mencapai tahap peratusan 76%-100%, seramai 4 orang yang mencapai tahap peratusan 51%-75% manakala seramai 3 orang yang mencapai tahap peratusan 26%-50% dan seramai 6 orang yang mencapai peratusan 0%-25%. Ini menunjukkan majoriti pelajar semester lima juga tidak mampu untuk hadir solat berjemaah di masjid.

Kemudian, jumlah pelajar semester enam ijazah JTQQ hanya 4 orang sahaja. Tiada seorang pelajar yang mencapai tahap peratusan 76%-100% malah hanya dua orang pelajar yang mencapai tahap peratusan 51%-75% dan seorang pelajar yang mencapai tahap peratusan bagi 26%-50% dan 0%-25%. Ini menunjukkan majoriti pelajar semester enam juga tidak mampu untuk hadir solat berjemaah di masjid.

Selanjutnya berdasarkan graf 1 di atas, jumlah pelajar semester tujuh ijazah JTQQ hanya 8 orang sahaja yang datang solat subuh berjemaah. Daripada jumlah tersebut, hanya seorang yang mencapai tahap peratusan bagi 76%-100% dan 51%-75% manakala 3 orang pelajar yang mencapai tahap peratusan 26%-50% dan 0%-25%. Ini menunjukkan majoriti pelajar semester tujuh juga tidak mampu untuk hadir solat berjemaah di masjid.

Jumlah pelajar semester lapan ijazah JTQQ hanya 10 orang sahaja yang datang solat subuh berjemaah. Tiada seorang pun yang mencapai tahap peratusan 76%-100% dan hanya seorang mencapai tahap peratusan 51%-75%. Kemudian, seramai 3 orang yang mencapai tahap peratusan 26%-50% dan seramai 6 orang yang mencapai tahap peratusan 0%-25%. Ini menunjukkan majoriti pelajar semester lapan juga tidak mampu untuk hadir solat berjemaah di masjid.

Graf 2 Peratus Kehadiran Pelajar Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat



Sumber : borang observasi 2017

Berdasarkan graf 2 di atas, jumlah pelajar semester satu diploma JTQQ hanya 75 orang sahaja yang datang solat subuh berjemaah. Daripada jumlah tersebut, seramai 3 orang yang mencapai tahap peratusan 76%-100%, seramai 13 orang yang mencapai tahap peratusan 51%-75%, seramai 24 orang yang mencapai tahap peratusan 26%-50%. Dan majoriti pelajar iaitu seramai 35 orang yang mencapai tahap peratusan 0%-25%. Ini menunjukkan majoriti pelajar semester satu tidak mampu untuk hadir solat berjemaah di masjid.

Kemudian pelajar semester dua diploma JTQQ terdapat 2 sahaja orang yang datang solat subuh berjemaah. Kedua-duanya mencapai tahap peratusan 0%-25%. Ini menunjukkan majoriti pelajar semester dua tidak mampu untuk hadir solat berjemaah di masjid.

Merujuk graf 2 di atas, jumlah pelajar semester tiga diploma JTQQ, hanya 80 orang sahaja yang datang solat subuh berjemaah. Daripada jumlah tersebut, seramai 6 orang yang mencapai tahap peratusan tertinggi 76%-100%, seramai 7 orang yang mencapai tahap peratusan 51%-75% seramai 22 orang yang mencapai tahap peratusan 26%-50% dan seramai 45 orang yang mencapai tahap peratusan 0%-25%. Ini menunjukkan majoriti pelajar semester tiga tidak mampu untuk hadir solat berjemaah di masjid.


Kemudian, jumlah pelajar semester empat diploma JTQQ hanya 13 orang sahaja yang datang solat subuh berjemaah. Daripada jumlah tersebut, tiada seorang pun yang mencapai tahap peratusan 76%-100%. Seterusnya, hanya 2 orang yang mencapai tahap peratusan 51%-75%, seramai 4 orang yang mencapai tahap peratusan 26%-50% dan seramai 7 orang yang mencapai tahap peratusan 0%-25%. Ini menunjukkan majoriti pelajar semester empat juga tidak mampu untuk hadir solat berjemaah di masjid.

Berikut berdasarkan graf 2, jumlah pelajar semester lima diploma JTQQ hanya 55 orang sahaja yang datang solat subuh berjemaah. Daripada jumlah tersebut, seramai 7 orang yang mencapai tahap peratusan 76%-100%. Seterusnya, seramai 11 orang orang yang mencapai tahap peratusan 51%-75%, seramai 8 orang orang yang mencapai tahap peratusan 26%-50%

dan seramai 16 orang orang yang mencapai tahap peratusan 0%-25%. Ini menunjukkan majoriti pelajar semester lima juga tidak mampu untuk hadir solat berjemaah di masjid. Selanjutnya berdasarkan graf 2, jumlah pelajar semester enam diploma hanya 7 orang sahaja yang datang solat subuh berjemaah. Ke semua daripada mereka mencatat peratusan paling rendah iaitu 0%-25%. Ini menunjukkan majoriti pelajar semester enam juga tidak mampu untuk hadir solat berjemaah di Kesimpulannya berdasarkan kedua graft di atas menunjukkan statistik kehadiran solat subuh berjemaah di masjid dalam kalangan pelajar ijazah dan diploma tahfiz lelaki sangat lemah. Masih ramai yang peroleh peratus kehadiran 0%-25% dan terlalu sedikit bilangan pelajar yang peroleh peratus kehadiran 76%-100%.

6.1 Rumusan Prestasi Kehadiran Pelajar Solat Subuh Berjemaah Di Masjid

Graf 3 Analisis Peratusan Tertinggi Kehadiran Solat Subuh Pelajar Ijazah Dan Diploma JTQQ



Sumber : Borang Observasi 2017

Berdasarkan graf 3 di atas, kajian menunjukkan prestasi kehadiran solat subuh berjemaah pelajar Ijazah dan Diploma tahfiz lelaki adalah sangat tidak memuaskan. Hanya 19 orang sahaja pelajar ijazah dan seramai 16 orang sahaja pelajar diploma JTQQ mencapai tahap peratusan 76-100% dalam kehadiran solat subuh berjemaah di masjid.

Isu kehadiran solat berjemaah dan pengimarahannya di masjid dalam kalangan mahasiswa terutamanya pelajar tahfiz bukanlah suatu isu yang boleh dipandang ringan. Perkara ini perlu diambil berat oleh semua pihak terutamanya oleh pihak pengurusan tertinggi universiti, pihak jabatan tahfiz dan persatuan-persatuan pelajar. Pengimarahannya di masjid dengan solat berjemaah perlu ditingkatkan dan tidak hanya tertumpu pada solat subuh sahaja. Walaubagaimanapun, cerminan kehadiran solat subuh berjemaah adalah menjadi pengukuran terhadap prestasi solat subuh bagi setiap orang. Jikalau solat subuh berjemaah di masjid dapat dilaksanakan dengan baik, nescara solat berjemaah waktu lain dapat ditunaikan dengan lebih baik. Sekiranya prestasi solat subuh berjemaah lemah, maka kehadiran solat berjemaah waktu-waktu lain juga lemah.

Penekanan berkaitan solat dan fadhilat solat berjemaah sebagai perkara utama dan wajib dalam kehidupan seorang muslim hendaklah ditekankan oleh semua pihak. Diharap kajian ini akan dapat meningkatkan lagi peranan daripada pelbagai pihak di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor samada pihak Bahagian Pengurusan Mahasiswa (BPM), Bahagian

Penempatan Kolej Kediaman (JAKSA), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Kelab al-Azhar Members (ALAM), Biro Imarah Masjid, persatuan-persatuan pelajar serta seluruh warga kolej dalam meningkatkan prestasi pelajar KUIS dalam pengimarah solat berjemaah di masjid. Dengan pengabungan tenaga dari pelbagai pihak ini diharap dapat menyelesaikan isu ini dan seterusnya dapat mengembalikan kegemilangan masjid sebagai pusat kegiatan umat Islam.

7. KESIMPULAN DAN CADANGAN

Secara keseluruhan, hasil kajian menjelaskan bahawa tahap penghayatan dan pengamalan solat berjemaah dalam kalangan pelajar tahfiz lelaki KUIS adalah sangat rendah. Sewajarnya lebih banyak program dakwah atau kempen perlu dijalankan untuk mengalakkan pelajar solat berjemaah. Semua pihak perlu berganding bahu untuk menjayakan pelaksanaan solat berjemaah ini. Berdasarkan keputusan dan perbincangan dalam kajian ini, berikut adalah cadangan dan langkah-langkah yang perlu diambil :

1. Ke arah meningkatkan tahap penghayatan ibadat solat dalam kalangan mahasiswa terutamanya pelajar tahfiz lelaki, kajian ini mencadangkan hal-hal berikut :

- a) Para pelajar/mahasiswa adalah dicadangkan mengikuti siri modul khas bagi meningkatkan kecintaan kepada Allah dan tanggungjawab sebagai hamba khususnya dalam ibadat solat. Antaranya modul kesedaran diri sebagai hamba Allah yang bertujuan sebagai latihan mendekatkan diri ke “*Baitullah*” (masjid).
- b) Mencadangkan kepada pihak masjid untuk perbanyakkan forum atau aktiviti yang santai berkaitan kelebihan solat berjemaah di masjid kepada pelajar. Sebagai contoh menjemput penceramah bebas seperti Ustaz Azhar Idrus, Ustaz Fawwaz Md Jan dan lain-lain yang menjadi tarikan dan inspirasi kepada anak muda.
- c) Mencadangkan kepada badan dakwah yang terlibat dengan kerjasama masjid, mengadakan solat berjemaah di masjid dengan daya tarikan seperti memberi makanan percuma dan memberi risalah yang berkaitan. Hal ini bertujuan untuk menarik minat pelajar untuk mendekatkan diri ke masjid dengan mudah.

2. Tahap pengimarah masjid dalam kalangan pelajar juga didapati masih rendah. Oleh yang demikian kajian ini mencadangkan hal-hal berikut :

- a) Penjadualan secara bergilir oleh setiap pelajar untuk menggerakkan pelajar yang lain di asrama untuk bangun solat subuh berjemaah di masjid. Jadual boleh dibuat dengan melibatkan semua pelajar bukan dikhususkan kepada individu tertentu sahaja. Penjadualan ini hendaklah dilakukan khususnya pada waktu subuh.
- b) Menjadikan masjid sebagai pusat kegiatan kerohanian pelajar. Pusat kegiatan kerohanian ini akan berfungsi menyelaras semua kegiatan berbentuk kerohanian dalam kalangan pelajar.
- c) Pelbagaikan program-program berbentuk sosial dan sukan di perkarangan masjid. Program-program ini hendaklah dikendalikan bersama MPP, persatuan pelajar, JAKSA, badan dakwah yang terlibat serta AJK masjid.

8. PENUTUP

Hasil kajian turut mendapati bahawa kehadiran pelajar solat subuh berjemaah di masjid adalah di tahap yang rendah. Kajian juga mendapati terdapat beberapa faktor utama yang menghalang pelaksanaan solat berjemaah dalam kalangan pelajar iaitu sikap malas pelajar, faktor sekeliling, tugas yang diberikan terlalu banyak dan jarak kedudukan antara masjid dengan kediaman asrama.

Secara keseluruhan, kajian mendapati bahawa tahap penghayatan dan pengamalan solat berjemaah dalam kalangan pelajar tahfiz lelaki KUIS adalah rendah. Sewajarnya lebih banyak program dakwah atau kempen perlu dijalankan untuk mengalakkan pelajar solat berjemaah. Semua pihak perlu berganding bahu untuk menjayakan pelaksanaan solat berjemaah ini.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim.

Abd Rahman Abd Majeed. 2007. *Rahsia & Keajaiban Solat Pada Perkembangan Minda Insan*. Darul Nu'man.

Mohammad Subki Abdul Rahman. 2006. *Solat Berjemaah Asas Kekuatan Peribadi, Masyarakat & Ummah*. Maahad Tahfiz Darul Quran Wal Qiraat Berhad.

Siti Zaleha Ibrahim, Norziah Othman, Phayilah Yama. 2016. *Penghayatan dan Perlaksanaan Solat Berjemaah Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Islam*. International Conference On Aqidah, Dakwah and Syariah (IRSYAD 2016), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Hasna bin Bidin. April 2016. *Pelaksanaan Solat Dalam Kalangan Pelajar Muslim Di Kolej Komuniti Negeri Johor*. Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia.

<http://www.harakahdaily.net/index.php/rss-hd/64-surat-pembaca/984-solat-berjemaah-banyak-manfaat-dan-kelebihan>. 30 Julai 2018.

الإقناع في حال ألفاظ أبي شجاع لشمس الدين محمد بن أحمد الشربيني الخطيب. ط : مطبعة عيسى البابي الحلبي مصر, بدون الطبعة وسنة الطبع.

الأم للإمام محمد بن إدريس الشافعي. ط : دار المعرفة بيروت, الطبعة الثانية ١٣٩٣ هـ, بإشاف الشيخ محمد زهري النجار.

الأوسط في السنن والإجماع والاختلاف للإمام أبي بكر محمد بن إبراهيم المنذر. ط : دار طيبة الرياض, الطبعة الأولى ١٤٠٥ هـ, بتحقيق أبو حماد صغير احمد.

شرح النووي على صحيح مسلم للإمام النووي. ط : دار الفكر بيروت, سنة الطبع ١٤٠١ هـ.

صحيح ابن خزيمة للإمام أبي بكر محمد إسحاق بن خزيمة. ط : المكتب الإسلامي بيروت, بدون الطبعة وسنة الطبع, بتحقيق محمد مصطفى الأعظمي.

صحيح البخاري, المطبوع مع فتح الباري للإمام محمد بن اسماعيل البخاري. نشر وتوزيع : رئاسة إدارات البحوث العلمية والإفتاء والدعوة والإرشاد بالملكة العربية السعودية, بدون الطبعة وسنة الطبع.

صحيح المسلم للإمام مسلم بن حجاج القشير النسابوري. نشر وتوزيع : رئاسة إدارات البحوث العلمية والإفتاء والدعوة والإرشاد بالملكة العراقية السعودية, سنة الطبع ١٤٠٠ هـ, بتحقيق الشيخ محمد فؤاد عبد الباقي.

عمدة القاري شرح صحيح البخاري للعلامة بدر الدين العيني. ط : دار الفكر بيروت, بدون الطبعة وسنة الطبع.

فتح الباري شرح صحيح البخاري للحافظ ابن حجر العسقلاني. نشر وتوزيع : رئاسة إدارات البحوث العلمية والإفتاء والدعوة والإرشاد بالملكة العراقية السعودية, بدون الطبعة وسنة الطبع. المجموع شرح المذهب للإمام النووي. توزيع : المكتبة العالمية بالفجالة, بدون الطبعة وسنة الطبع, بتحقيق الأستاذ محمد نجيب تامطيعي.